

## Gudang makanan ringan diperiksa

**Alor Setar:** Sebuah gudang membungkus makanan ringan di Bukit Pinang di sini, semalam, diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kerana disyaki mengedar gula-gula *Ghost Smoke*.


Dalam pemeriksaan mengejut jam 1.45 tengah hari itu, anggota penguat kuasa membuat pemeriksaan ke setiap kotak barangan makanan ringan yang sudah dibungkus, namun tidak menemui bungkusan gula-gula berkenaan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Omar Ismail, berkata pemeriksaan dilakukan serentak di setiap negeri berikutan maklumat diperoleh berhubung produk makanan ringan itu yang menjadi kegemaran kanak-kanak ketika ini.

Katanya, pemilik gudang berkenaan mengaku pernah mengimport gula-gula berkenaan dari China, namun sudah tidak membawa produk itu masuk ke Malaysia sejak beberapa bulan lalu.

"Gudang ini memasarkan produk makanan ringan dan mainan yang dibungkus semula ke Kuala Lumpur, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

"Setakat ini pemilik gudang itu mengaku pernah menjadi pemborong dan mengedar gula-gula itu sejak dua bulan lalu, namun sudah memberhentikannya kerana persaingan harga," katanya.

 **Pemilik gudang berkenaan mengaku pernah mengimport gula-gula berkenaan dari China, namun sudah tidak membawa produk itu.**

**Omar Ismail,**  
Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kedah